

Newspaper
Date

Sinar Harian
12 March 2016

Desak Tun M, Mukhriz dipecat

Umno Hulu Selangor mahu kedua-dua pemimpin itu dihadapkan ke Lembaga Disiplin dan Tatatertib Parti

Sinar Harian - 12/3/2016

KUALA KUBU BHARU - Majlis Tertinggi Umno didesak mengambil tindakan tegas terhadap bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dengan memecat keahlian mereka.

Ketua Umno Hulu Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan berkata, kedua-dua pemimpin itu perlu dihadapkan ke Lembaga Disiplin dan Tatatertib Parti secepat mungkin untuk diambil tindakan.

"Umno Hulu Selangor juga bertegas supaya jawatan-jawatan yang disandang Tun M di Petronas, Proton, Yayasan Kepimpinan Perdana dan lain-lain dipecat.

"Kami turut gesa supaya proses pemutihan keahlian dilakukan kepada mana-mana ahli Umno yang turut terlibat

dalam gerakan menjatuhkan Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya selepas mesyuarat khas bersama AJK Umno Bahagian 4 Peringkat di Dewan Seminar Umno Bahagian Hulu Selangor, semalam.

Menurutnya, Umno Hulu Selangor turut menzahirkan lafaz ikrar taat setia tanpa berbelah bagi dan menyokong sepenuhnya kepimpinan Najib sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno yang sah.

"Kita turut tersinggung dengan beberapa lagi tokoh Umno yang bersekongkol dengan pemimpin parti pembangkang untuk menjatuhkan perdana menteri yang dipilih oleh rakyat secara sah.

"Kita berpendirian bahawa tindakan bersekongkol dengan pembangkang itu, melanggar prinsip dan asas perjuangan bangsa Melayu dan Umno. Ia



Mat Nadzari bersama kepimpinan Umno Hulu Selangor bersama-sama melafazkan ikrar taat setia terhadap kepimpinan Najib dalam satu perjumpaan khas, semalam.

tidak menghormati dan menghina perjuangan pemimpin Umno terdahulu sejak parti ini ditubuhkan pada 11 Mei 1946," katanya.

Beliau menambah, pihaknya berpendirian tegas bahawa kebebasan bersuara perlu dihormati dan dianggap sebagai elemen penting di dalam amal-

an demokrasi Umno yang bertunjangkan dasar inklusif dan keterbukaan.

"Walau bagaimanapun, keterbukaan ini perlulah ter-

takluk kepada adab, etika dan disiplin parti, terutamanya bila melibatkan kepimpinan tertinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.